

Headline	Kempen hijau selamatkan bumi		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	15 May 2017	Color	Full Color
Section	Mega	Circulation	171,663
Page No	25	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	247 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,882
Frequency	Daily	PR Value	RM 14,645



Kempen hijau selamatkan bumi

MELINDUNGI dan mengekalkan kehijauan alam sekitar bukan tugas pihak tertentu, sebaliknya menjadi tanggungjawab semua agar bumi yang kita 'pinjam' ini dapat diwarisi kepada generasi akan datang.

Berkongsi semangat itu, Clarins Malaysia meraikan Hari Bumi dengan membawa 30 kakitangannya dari Clarins Skin Spa yang mereka gelar sebagai *Green Angels*, menanam pokok sendiri di **Institut Penyelidikan Hutan Malaysia (FRIM)**, di Kepong, Selangor.

Program itu bagi memupuk kesedaran akan kepentingan menjaga alam sekitar daripada tercemar dan seterusnya membentuk sifat tanggungjawab terhadap kelestarian bumi.

Sebanyak 30 pokok ditanam dengan campuran kayu keras dan pokok buah-buahan untuk menyumbang kepada keharmonian alam semula jadi.

Kempen *Green Angels* yang berlangsung dari 1 Ogos tahun lalu diadakan untuk memberi inspirasi dan meningkatkan kesedaran mengenai

perlindungan alam sekitar dan mengurangkan kesan karbon melalui kitar semula di semua spa Clarins.

Sepanjang tempoh kempen tersebut, pelanggan digalakkan untuk membawa balik balang kosong, botol atau kotak untuk dikitar semula.

Pengurus Besar Clarins Malaysia dan Singapura, **Gillian Tyo** berkata, menerusi aktiviti sebegini masyarakat diharap lebih peka terhadap alam

sekeliling.

“Pokok adalah sumber semula jadi terbaik untuk melindungi planet. Ia membantu mengawal iklim, memperkaya kualiti tanah dan memastikan bekalan yang berterusan seperti makanan, oksigen dan air untuk semua.

“Kami sentiasa percaya bahawa perlunya untuk menyumbang kembali kepada alam semula jadi,” katanya.

Dalam acara berasingan, Clarins Malaysia juga menyambut Hari Bumi dengan menganjurkan bengkel selamatkan bumi melalui jalinan kerjasama dengan *Biji-Biji Initiative*.

Aktiviti tersebut memberi peluang kepada orang ramai untuk menggunakan semula botol plastik mereka di rumah dengan mencipta sesuatu, contohnya botol kosong Clarins boleh dijadikan lampu suluh.

Selain itu, peserta juga diajar untuk membuat sendiri sistem loji air semula jadi yang mana mereka boleh mula membuat sendiri di rumah atau di pejabat.



SEBAHAGIAN daripada kakitangan dari Clarins Skin Spa yang menyertai program menanam pokok di Institut Penyelidikan Hutan Malaysia (FRIM) di Kepong, Selangor baru-baru ini.